

IMPAK, CABARAN DAN INISIATIF PENGGIAT SENI PERSEMBAHAN SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK COVID-19

IMPACT, CHALLENGES AND INISIATIVE PERFORMING ART ACTIVIST DURING THE PERIOD OF COVID-19 PANDEMIC

Suhaimi Magi¹, Jabil Mapjabil², Baharuddin Mohd Arus³, Rosli Sareya⁴, Datu Razali
Datu Eranza⁵, Toh Min Min⁶

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: suhaimimagi@ums.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: baharudinarus@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: rosli80@ums.edu.my)

⁵Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mail: drde@ums.edu.my)

⁶Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: minmin_toh@hotmail.com)

Article history

Received date : 25-8-2020
Revised date : 26-8-2020
Accepted date : 23-10-2020
Published date : 25-10-2020

To cite this document:

Suhaimi Magi, Jabil Mapjabil, Baharuddin Mohd Arus, Rosli Sareya, Datu Razali Datu Eranza & Toh Min Min (2020). Impak, cabaran dan inisiatif penggiat seni persembahan sepanjang tempoh pandemik COVID -19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 74 – 82.

Abstrak: Penularan wabak COVID-19 di Malaysia telah memaksa pihak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hampir 24 minggu keseluruhan PKP ini memberikan kesan yang mendalam terutamanya penggiat seni persembahan di negeri Sabah. Asas permasalahan kajian ini didasarkan pada isu utama (i) apakah impak dan cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni di Sabah sepanjang PKP berlangsung selama hampir 6 bulan berkenaan dan (ii) apakah inisiatif yang dilakukan oleh penggiat seni untuk mengatasi masalah yang kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan. Secara lumrahnya, seni persembahan melibatkan teori dan amalan dalam seni tari, muzik, drama, teater dan filem. Seni persembahan ini merupakan sebahagian daripada industri kreatif dan budaya. Penggiat seni persembahan pula meliputi pelaku seni, penganjur, pengeluar, pendidik, usahawan, kru pengurusan dan teknikal. Kaedah kuantitatif melibatkan temu bual dengan pelbagai kategori penggiat seni persembahan menggunakan borang soal selidik. Pendekatan kualitatif pula melibatkan survei menggunakan panduan borang temu bual mendalam, temu bual kumpulan sasar (focus group) dan pemerhatian. Kajian fundamental ini dijangka dapat menyumbang

dalam penyediaan pelan pengurusan risiko dan krisis penularan pandemik dalam bidang seni dan budaya secara amnya.

Kata Kunci: *Impak, Cabaran, Inisiatif, Penganjur Seni Persembahan*

Abstract: *The spread of the COVID-19 epidemic in Malaysia has forced the government to implement the Movement Control Order (MCO). Almost 24 weeks as a whole MCO has a profound effect, especially performing arts activists in the state of Sabah. The basis of the problems of this study is based on two issues: (i) what are the impacts and challenges faced by activists in Sabah during the MCO lasted for almost 6 months?. and (ii) what are the initiative steps that been taken by performing arts activists in the period of Movement Control Orders (MCO). Overall, performing arts involve theories and practices in the arts of dance, music, drama, theater and film. The performing arts are part of the creative and cultural industries. Performing arts activists include artists, organizers, producers, educators, entrepreneurs, management and technical crews. This study uses a quantitative approach supported by qualitative methods. Quantitative methods involve interviews with various categories of performing arts activists using questionnaires. The qualitative approach involves surveys using in-depth interview form guides, focus group interviews and observations. This fundamental study is expected to contribute to the preparation of risk management plans and pandemic transmission crisis in the arts and culture in general.*

Keywords: *Impact, Challenges, Initiative, Performing Arts Activists*

Pengenalan

Pada akhir tahun 2019, sejenis virus iaitu Novel Coronavirus SARS-CoV-2 telah menyebabkan penularan wabak baharu yang dikenali sebagai coronavirus disease-2019. Virus ini kemudiannya dikenali sebagai COVID-19. Pada 11 Mac 2020, wabak COVID-19 telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pandemik. Sehingga 6 Oktober 2020, sebanyak 35,722,623 orang iaitu hampir mencecah 36 juta kes positif COVID-19 dengan 1,046,278 kes kematian di seluruh dunia (World Health Organization, 2020).

Di Malaysia, perkembangan awal bagi penularan pandemik COVID-19 bermula pada 23 Januari 2020 lalu. Ia adalah berikutan penahanan lapan orang pelancong China bersama seorang yang positif COVID-19 sebelum ini di Singapura yang diarahkan untuk dikuarantin di sebuah hotel di Johor. Ia diikuti oleh kes yang berlaku pada keesokan harinya (24 Januari) apabila seorang kanak-kanak warga China, iaitu Wang Wontung telah dilarikan oleh orang tuanya dari hospital kerana enggan dikuarantin setelah disyaki mempunyai simptom COVID-19. Peningkatan kes positif COVID-19 mula ketara selepas seorang peserta yang menghadiri ijtihad tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 16,000 orang peserta (pada 27 Februari hingga 1 Mac) telah disahkan positif COVID-19 pada 11 Mac. Rentetan daripada peningkatan kes dari hari ke hari, kerajaan Malaysia telah melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara selama 14 hari bermula pada 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Sehingga kini, PKP sudah memasuki fasa pemulihan, iaitu bermula pada 10 Jun hingga 31 Disember 2020.

Penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia memberikan impak yang mendalam terhadap aspek kesihatan, ekonomi dan sosial komuniti global. Sehingga 6 Oktober 2020, kes positif

COVID-19 telah mencecah 36 juta dengan 1,046,278 kes kematian di seluruh dunia (*World Health Organization*, 2020). Dari segi penyelidikan, aliran kajian banyak tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti jenis virus, punca, ciri-ciri dan analisis klinikal berkaitan dengan virus COVID-19 (Smith et al., 2020; Jeniffer, 2020; Wu & McGoogan, 2020; UNCTAD, 2020; Ying Liu et al., 2020 dan Kai & Jon, 2020). Sehubungan dengan itu, salah satu sektor ekonomi yang terjejas teruk adalah industri media, seni dan hiburan. Sehingga kini, tidak banyak literatur ilmiah yang ditulis dalam membincangkan perkaitan isu pandemik COVID-19 dengan industri *glam* ini. Salah satu yang relevan untuk dirujuk setakat ini adalah Moon (2020) yang menulis artikel tentang kesan COVID-19 terhadap industri hiburan yang diterbitkan dalam *International Digital Organization for Scientific Research – IDOSR Journal of Experimental Sciences*. Di Barat, sumber rujukan semasa banyak bergantung kepada sumber alternatif dari pelbagai media khususnya buletin, majalah, akhbar serta laman web pelbagai syarikat produksi seni. Antaranya Lexology, Dance Magazine, Birmingham Royal Ballet, Penn State News, New York Times dan The Edinburgh News. Selain itu, terdapat artikel tentang pandemik COVID-19 yang ditulis oleh beberapa kolumnis dari kalangan bukan sarjana seperti Epstein (2020), Valentina (2020), Claire (2020) dan Kate (2020). Dalam konteks Malaysia, sumber literatur dan hasil penyelidikan tentang pandemik COVID-19 ini masih terhad dan kurang.

Di Malaysia, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebanyak empat fasa bermula pada 18 Mac sehingga 4 Mei 2020 yang disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada 4 Mei sehingga 9 Jun. Pada masa ini, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan bermula pada 10 Jun hingga 31 Disember 2020. Pengalaman berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan PKP ini adalah pertama kali bagi kebanyakan penduduk dan tempohnya yang panjang sehingga melebihi 24 minggu memberikan impak yang mendalam terhadap kesejahteraan ekonomi dan sosial di negara ini. Dalam konteks industri media, seni dan hiburan, arahan penutupan institusi, organisasi dan syarikat produksi serta amalan normal baharu seperti perlu mengelakkan perhimpunan massa dan berada dalam ruang yang sempit dan tertutup serta norma baharu seperti perlu penjarakan sosial, memakai penutup mulut dan hidung di tempat awam adalah satu cabaran yang besar kerana bertentangan dengan rutin industri seni dan hiburan yang lazimnya memerlukan penggiat seni bersentuhan secara fizikal ketika berlatih, membuat persiapan akhir dan melakukan persembahan. Untuk itu, artikel ini akan meneliti sorotan literatur impak dan cabaran dalam memperkasa penggiat seni persembahan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Impak dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Pandemik COVID-19 di Seluruh Dunia

Pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang signifikan terhadap industri media, seni dan hiburan. Impak jangka panjang krisis kewangan dalam industri ini adalah sangat rencam dan pelbagai dengan perbezaan yang ada terutamanya institusi atau organisasi tanpa bantuan dana, antaranya yang beroperasi secara persendirian, tidak formal dan skala kecil-kecilan akan terjejas teruk (Claire, 2020). Sepanjang bulan Mac 2020, banyak institusi, organisasi dan syarikat produksi dalam media, seni dan hiburan di seluruh dunia telah ditutup dengan pelbagai pameran, acara dan persembahan yang dirancang sepanjang tahun terpaksa dibatalkan atau ditunda.

Impak ekonomi yang ketara kesan daripada arahan perintah berkurung akibat penularan COVID-19 adalah kemerosotan dari segi penganjuran acara seni dan kebudayaan yang

akhirnya membantutkan pertumbuhan sektor hiburan untuk tempoh lima tahun akan datang (Bloom, 2020). Menurut analisis daripada Ampere, ia memberi kesan yang teruk terhadap penggiat seni dan pengiklanan. Sebaliknya, siaran video secara talian atau digital dijangka meningkat dengan kadar dua digit pertumbuhannya apabila normal baharu ini semakin meningkat menggantikan kebiasaan yang lama. Hal ini telah meyebabkan industri hiburan mengalami kerugian dalam penjanaaan pendapatan sebanyak \$160 bilion (Bloom, 2020).

Menurut Epstein (2020), kerana *nature* dalam penghasilan filem dan produksi televisyen, mereka yang terlibat dalam industri ini lebih terdedah dengan jangkitan virus COVID-19. Syarikat produksi dan penggiat seni dari pelbagai sektor didapati memiliki risiko yang tinggi untuk menyebarkan virus kerana wujudnya sentuhan secara fizikal ketika membuat persembahan atau berlakon untuk filem dan drama termasuk teater. Normal biasa ini adalah rutin dalam industri seni dan hiburan. Contohnya, juru *make up* terpaksa menyentuh muka pelakon, aktor perlu memegang atau bercium dengan artis lain, termasuk adegan pergaduhan dan *scene* tari-menari. Ini termasuk kru teknikal filem yang secara kerap memegang peralatan yang sama yang mungkin dijangkiti virus.

Sepanjang suku pertama tahun 2020, organisasi dan syarikat produksi dalam sektor media, seni dan hiburan di seluruh dunia telah diminta membatalkan, menghentikan dan menunda aktiviti untuk khalayak awam dan terpaksa ditutup sepenuhnya apabila pandemik COVID-19 semakin menular dan kritikal di kebanyakan negara. Penutupan ini bermula di China, seterusnya di Asia Barat Daya dan akhirnya di seluruh dunia. Pada akhir bulan Mac 2020, kebanyakan organisasi dan syarikat produksi terpaksa ditutup, acara kesenian diminta ditunda atau dibatalkan sama ada secara sukarela ataupun arahan kerajaan negara masing-masing. Ia termasuklah produksi filem dan televisyen, teater, persembahan orkestra, *tour* untuk konsert termasuk persembahan muzikal dan festival kesenian. Berikutan berita penutupan dan pembatalan secara meluas pelbagai sektor media, seni dan hiburan di seluruh dunia sepanjang bulan Februari dan Mac sehinggalah ke bulan April, tarikh pembukaan semula atau jangkaan industri ini 'kembali ke normal' sepenuhnya masih tidak dapat ditentukan sehingga kini (Valentina, 2020).

Banyak syarikat utama media, seni dan hiburan seperti Netflix, Apple, Amazon, Warner Media, Facebook, Twitter, TikTok, Mashable dan Intel terpaksa membatalkan acara, majlis panel, tayangan perdana dan acara media, seni dan hiburan secara fizikal yang lain (Moon, 2020). Kesan yang dihadapi oleh industri hiburan ini jelas melalui kemerosotan jualan tiket di festival filem, gangguan terhadap pengedaran filem, malah terpaksa membatalkan pelancaran filem dan drama. Kesan kewangan ini dirasai oleh syarikat studio, pembuat filem, teater dan banyak lagi sektor hiburan lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk tempoh beberapa bulan akan datang atau mungkin dalam beberapa tahun ini (Moon, 2020). Yang terbaru, Wiener Staatsoper (Vienna State Opera) telah melancarkan perkhidmatan rakaman dan penyiaran secara talian untuk tatapan audien umum dengan membuat persembahan konsert opera harian secara talian sejak *venue* konsert itu ditutup kesan penularan COVID-19 (Epstien, 2020).

Di Singapura, terdapat penganjuran festival tarian antarabangsa yang terbesar di Asia iaitu Radikal Force Jam (RF Jam). RF Jam merupakan satu organisasi tarian yang bertujuan untuk menggali bakat penari *street dance*. Organisasi ini juga memainkan peranan yang penting dalam budaya *Hip Hop*. Festival ini merupakan festival tahunan yang berlangsung pada bulan Mac. Penularan COVID-19 telah memberi impak yang sangat besar terhadap festival ini kerana

ia bukan sahaja melibatkan peminat tari, pelancong, pemilik perniagaan tari, artis dan atlet; festival ini juga disokong oleh budaya dan industri di seluruh dunia. Pada 13 Februari, pengjur RF Jam telah memaklumkan kepada semua peserta bahawa mereka telah membuat keputusan untuk membatalkan RF Jam yang asalnya dilangsungkan pada 14 hingga 22 Mac 2020. Selain itu, RF Jam turut memutuskan untuk memulangkan bayaran tiket kepada para peserta yang telah membuat bayaran. Hal ini telah menyebabkan organisasi ini mengalami kerugian yang besar kesan penularan COVID-19 (Scape, 2020).

Cabaran dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Tempoh Pandemik COVID-19 di Malaysia

Secara umumnya, industri kreatif adalah salah satu industri negara yang paling terjejas bersama industri pelancongan dan pengangkutan sejak pandemik COVID-19 melanda dunia. Apabila kerajaan Malaysia mengistiharkan bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermaksud pergerakan penduduk adalah terkawal, digalakkan duduk di rumah. Selain itu, rakyat juga tidak dibenarkan keluar berkumpulan dan hanya ketua rumah sahaja yang dibenarkan keluar. Tujuan utama terhadap Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah untuk memutuskan talian rangkaian aktiviti dalam kalangan rakyat kerana itu sahaja kaedah yang boleh dilakukan adanya tanpa vaksin yang boleh membendung merebaknya wabak tersebut sehingga dicipta atau ditemui. Maka apabila kawalan ini dilaksanakan, kebanyakan aktiviti seni seperti pameran, persembahan seni di tempat awam dan persembahan di tempat tertutup terpaksa ditangguhkan atau dibatalkan. Pendek kata, apa sahaja aktiviti berkaitan seni sudah tidak di benarkan. Kesannya melibatkan majoriti seniman atau pengamal seni mengalami kerugian yang besar. Bukan sahaja seniman tidak boleh berkarya umpamanya pelukis tidak mendapatkan bahan melukis kerana kedai menjual bahan melukis diperintah tutup juga pelakon dan pengarah tidak boleh menjalankan penggambaran kerana dilarang berkumpul untuk menjalankan lakonan atau produksi perfileman.

Di samping itu, selama hampir tiga bulan perintah PKP dikuatkuasakan tiada produksi baharu yang dihasilkan. Hal ini disebabkan kerana studio atau syarikat produksi perfileman tidak dapat beroperasi. Oleh itu, kesemua pekerja pembantu yang berkerja dalam sesebuah penggambaran filem atau dokumentasi untuk tujuan promosi tidak lagi aktif. Kesemua mereka sama ada pengarah, pelakon, penulis skrip dan sebagainya terpaksa berada di rumah bagi mematuhi perintah PKP. Oleh sebab itu, aktiviti pengamal seni dalam apa bentuk sekali tidak aktif dan penjana kewangan bagi menampung kesinambungan kehidupan mereka terputus. Terdapat dalam kalangan mereka yang hilang punca rezeki. Menurut *World Health Organization* (WHO), wabak pandemik COVID-19 ini tidak akan reda dan berkemungkinan penduduk dunia terpaksa menerima wabak ini sebagai penyakit terminal seperti kanser, darah tinggi, kerana tidak ada penawarnya tetapi hanya boleh bertahan. Oleh itu, seniman perlu bersedia menangani kesan daripada pandemik yang mengubah konvensi seniman untuk berkarya dalam norma baharu sama ada menghasilkan karya, mempersembahkan kepada khalayak dan memasarkan karya mereka bagi menampung kehidupan mereka sebagai pengamal seni sepenuh masa dan separuh masa.

Sehubungan dengan itu, mereka seniman dan penggiat seni perlu membiasakan diri dengan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif jika ingin bersaing dalam pasaran industri kreatif dan hiburan. Kebanyakan seniman di seluruh dunia mula membiasakan diri dengan norma baharu menggunakan media digital dan media sosial untuk menyampaikan berita, promosi

serta memasarkan karya mereka. Dengan kata lain, tiada lagi pendekatan kebiasaan umpamanya pelukis mengadakan pameran di dalam galeri secara fizikal bahkan mereka terpaksa mempamerkan hasil karya mereka dalam ruang maya bagi menyampaikan hasil karya mereka secara optimum kepada odium atau juga peminat mereka. Pelukis pula menggunakan teknologi digital yang membolehkan kolektor atau peminat menjelajah dan melawat pameran lukisan secara maya. Yang menariknya ialah karya baharu boleh dihantar terus kepada pengumpul seni dan mereka boleh menyimpan atau mempamerkannya melalui *wall frame* (Foto 1) ibarat sebuah lukisan yang boleh ditukar-tukar mengikut *mood* atau selera peminat atau pengumpul seni. Jika selama ini penggunaan *YouTube* sebagai kaedah penyanyi, pemuzik serta penggubah lain mendapatkan odium mereka melalui siaran secara maya maka pelukis juga terpaksa mengambil inisiatif sebegini untuk menjamin peminat karya mereka mendapat ruang pendedahan. Menurut tokoh Lateral Thinking, Edward De Bono (1992) pemikir industri abad ke-21 adalah era dominasi bagi gambar digital dan teknologi maya yang canggih.

Selain itu, untuk lebih relevan dengan amalan norma baharu, penggiat seni perlu membebaskan diri atau dipanggil sebagai emansipasi diri dan minda. Menurut tokoh pakar motivasi, John Naisbitt iaitu pengarang siri buku *Megatrend*, emansipasi adalah cara bagaimana pengamal seni perlu membuat perubahan dalam konteks yang baharu. Mereka tidak lagi hanya berkarya dalam pendekatan lama bahkan perlu meneroka teknik inovatif dari sudut pengkaryaan dan penyebarannya. Berdasarkan kepada pentas digital dan media sosial, mereka perlu menghasilkan karya yang berupaya mengisi keperluan pasaran maya yang mudah sampai kepada setiap peminat melalui telefon mudah alih atau *smart phone* dan internet. Karya yang sesuai tidak lagi dalam bentuk fizikal seperti catan dan arca, pelbagai media boleh menghasilkan karya digital (Foto 2) yang interaktif dan mudah dimuat naik dalam ruang maya dan internet. Melalui media sosial yang kini sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan moden maka sudah tiba masanya setiap seniman perlu berjinak dan membiasakan diri dengan kemampuan digital bagi memudahkan setiap seniman berkarya dan memasarkan karya dengan kaedah yang baharu ni. Jika diteliti sejak tempoh PKP, setiap pengurusan serta perniagaan sudah memaksimumkan pengguna kaedah digital melalui *smart phone* dan internet tanpa menggunakan kaedah bersemuka atau *face to face* lagi bahkan hampir setiap urusan sama ada pendidikan, pemasaran dan juga transaksi jual beli dilakukan atas talian untuk mempercepat serta memudahkan cara komunikasi dan pengurusan. Di samping itu, pertemuan atau mesyuarat sudah dibiasakan dengan penggunaan aplikasi Zoom atau Google Meet. Kedua-dua aplikasi dalam talian ini sudah semakin popular iaitu pihak pengurus bertemu tanpa berjumpa secara fizikal dengan pelanggan mereka. Dalam urusan memasarkan atau menjual karya seni, pelukis boleh menggunakan beberapa aplikasi yang baharu seperti Baidu dan aplikasi Tencent atas talian Internet seperti yang dicipta di negeri China.

Seterusnya, pengamal seni perlu mengadakan ruang pameran atau persembahan dengan pendekatan ruang maya bagi mempromosi dan mempamerkan karya seni mereka. Kaedah ini memudahkan seniman mempamerkan karya mereka tanpa perlu menyewa bangunan atau dewan dan tidak perlu mengeluarkan kos yang besar untuk sesuatu pameran seni visual atau persembahan seni visual seperti tarian dan lakonan. Oleh sebab itu, para seniman dan pelukis tempatan perlu membiasakan diri dengan norma baharu sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

Salah satu sektor ekonomi yang terjejas adalah pelancongan. Negeri Sabah dikenali dengan pelbagai etnik peribumi yang mempunyai keunikan budaya masing-masing yang menjadi tarikan pelancong untuk menguntungkan negeri ini. Namun begitu, kemasukan pelancong asing ke Malaysia telah disekat menyebabkan pengurangan jumlah ketibaan pelancong ke Sabah. Perayaan seperti Pesta Kalimantan, Pesta Kaamatan, Regatta Lepa dan sebagainya terpaksa dibatalkan bagi mematuhi perintah PKP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Hal ini telah memberi impak yang besar terhadap penggiat seni terutamanya bahagian kebudayaan. Persembahan yang sering dijalankan semasa perayaan turut diberhentikan menyebabkan penari, pemuzik, koreografer dan pihak produksi hilang punca pendapatan mereka. Selain daripada perayaan, terdapat juga pertandingan yang dianjurkan secara besar-besaran setiap tahun di Sabah seperti Tugu Budaya, Sabah Festival, Borneo Arts Festival dan Sugandoi Peringkat Negeri turut dibatalkan. Hal ini telah menyebabkan para penggiat seni dari segi muzik, tarian, visual, teater dan sebagainya tidak dapat menunjukkan hasil karya mereka, seterusnya menyebabkan kerugian dari aspek persiapan fizikal dan mental serta teknikal yang telah dilakukan sebelum ini. Oleh hal demikian, penganjur seni mulai menganjur pertandingan atas talian melalui *Youtube* dan *facebook* bagi mengatasi masalah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penularan COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada kesemua institusi, organisasi dan syarikat produksi dalam media, seni dan hiburan di seluruh dunia. Mereka mengalami kerugian yang besar sehingga menghilangkan pekerjaan dan hilang punca rezeki. Hal ini kerana, segala pameran, acara dan persembahan yang dirancang sepanjang tahun terpaksa ditunda atau dibatalkan. Justerunya, para seniman dan penggiat seni mulai membiasakan diri dengan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif untuk bersaing dalam pasaran industri kreatif dan hiburan. Kebanyakan mereka menggunakan media digital dan media sosial untuk menyampaikan berita, promosi serta memasarkan karya mereka. Hal ini kerana rakyat diarahkan untuk berada di rumah bagi mengelakkan bersemuka dengan orang lain bagi memutuskan rangkaian COVID-19. Oleh itu, penggunaan kaedah atas talian telah menjadi salah satu kaedah yang strategi dalam norma baharu ini. Kaedah ini didapati dapat mempercepatkan serta memudahkan cara komunikasi dan pengurusan. Di samping itu, aplikasi-aplikasi seperti Zoom, Google Meet, Google Classroom dan sebagainya semakin popular bagi tujuan mesyuarat, seminar dan kuliah atas talian. Seterusnya, aplikasi seperti Youtube dan Facebook telah digunakan oleh para penganjur untuk mengajur pertandingan atas talian. Dengan adanya inisiatif menggunakan aplikasi-aplikasi dalam kehidupan norma baharu ini telah banyak membantu para penggiat seni bagi mengatasi masalah yang dialami akibat penularan penyakit COVID-19.

Penghargaan

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah kerana menyediakan geran penyelidikan Skim Dana Khas COVID-19 (SDK0306) untuk melakukan kajian ini. Terima kasih atas kebenaran menggunakan penemuan kajian ini untuk dikongsikan dalam penerbitan ini.



Foto 1: Seorang kontraktor dengan *digital wall frame*



Foto 2: Karya seni digital dalam bingkai elektronik

Rujukan

- Birmingham Royal Ballet. (2020). *11 May - Updates regarding COVID-19*. <https://www.brb.org.uk/post/update-regarding-covid-19>. Birmingham Royal Ballet. 14 May 2020. Diakses pada 10 Jun 2020.
- Bloom, D. (2020). *Pandemic, downturn to cost entertainment Industry \$160 billion in growth over 5 years*. Editors' Pick, May 21, 2020.
- Claire, V. (2020). *How three very different museums are dealing with the COVID-19 crisis*. Artsy, 20 April 2020. <https://www.artsy.net/article/artsy-editorial-three-museums-dealing-covid-19-crisis>. Diakses pada 11 Jun 2020.
- Dance Magazine. (2020). *A timeline of canceled performances in the wake of the Coronavirus Pandemic*. <https://www.dancemagazine.com>. 20 March 2020. Diakses pada 10 Jun 2020.
- Epstein, A. (2020). *Coronavirus is pushing an already vulnerable film industry closer to the edge*. *Quartz*. 9(2): 16-22.
- Jennifer, B. (2020). *Assessment of COVID-19's Impact on Small and Medium-sized Enterprises*. Santa Monica, Calif: The Rand Corporation.
- Kai Kupferschmidt & Jon Cohne. (2020). *Race to find COVID-19 treatments accelerates – WHO launches megatrial to test repurposed drugs and experimental drugs candidates*. <http://sciencemag.org>. Diakses pada 29 Mac 2020.

- Kate, H. (2020). *We shouldn't just be used for charity': Musicians are still getting work – but they're not being paid.* *The Guardian*. 8 May 2020. <https://www.theguardian.com/music/2020/may/09/we-shouldnt-just-be-used-for-charity-musicians-are-still-getting-work-but-theyre-not-being-paid>. Diakses pada 11 Jun 2020.
- Kementerian Dalam Negeri. (2020). *Perintah Kawalan Pergerakan bagi Mengekang Penularan Wabak COVID-9* (18 Mac - 31 Mac 202). Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Lexology. (2020). *The impact of COVID-19 on media and entertainment industry transactions.* USA, 8 May 2020.
- Moon, S. (2020). Effects of COVID-19 on the entertainment industry. *International Digital Organization for Scientific Research - IDOSR Journal of Experimental Sciences*, 5(1), 8-12.
- New York Times. (2020). *Curtains for Broadway: No shows until labor day, at least.* <https://www.nytimes.com/2020/05/12/theater/broadway-coronavirus.html>. Diakses pada 8 Jun 2020.
- Penn State News. (2020). *Hong Kong Ballet cancels April 24 performance at Eisenhower Auditorium.* <https://news.psu.edu/story/609901/2020/02/25/arts-and-entertainment/hong-kong-ballet-cancels-april-24-performance>. Penn State News, 25 February 2020. Diakses pada 10 Jun 2020.
- Scape. (2020). *Cancellation of Radikal Forze Jam.* <https://www.scape.sg/scapedance/scape-radikal-forze-jam/>. Diakses pada 7 September 2020.
- Smith, T., Bushek, J. & Prosser, J. (2020). *COVID-19 Drug Therapy – Potential Options.* <https://www.elsevier.com>. Diakses pada 29 Mac 2020.
- The Edinburgh News. (2020). *U-turn on Edinburgh Festival Fringe cancellation – If lockdown measures are lifted.* <https://www.edinburghnews.scotsman.com>. The Edinburgh News, 2 April 2020. Diakses pada 10 Jun 2020.
- United Nation Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2020). *Global trade impact of the coronavirus (Covid-19) epidemic.* <https://unctad.org>. Diakses pada 30 Mac 2020.
- Valentina, D. L. (2020). *A daily report on how COVID-19 is impacting the art world.* *Hyperallergic*, 9 March 2020. <https://hyperallergic.com/546913/coronavirus-daily-report/>. Diakses pada 11 Jun 2020.
- World Health Organization. (2011). The classical definition of a pandemic is not elusive. *Bull. World Health Organ.*, 89 (7), 540541.
- World Health Organization. (2020). *Coronavirus Update.* <https://www.worldometer.info>. Diakses pada 20 April 2020.
- Wu, Z. & McGoogan, J. M. (2020). *Characteristics of and important lessons from the coronavirus-disease 2019 (COVID-19) outbreak in China: Summary of a report of 72 314 cases from the Chinese center for disease control and prevention.* *JAMA*, February 24, 2020.
- Ying Liu, Albert, A. G., Annelies Wilder-Smith & Joacim Rocklöv. (2020). The reproductive number of COVID19 is higher compared to SARS coronavirus. *Journal of Travel Medicine*, February 13, 2020.